

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH / HARI : 24 OGOS 2017 (KHAMIS)

Tutup jalan sempena sambutan kemerdekaan.

24 KH
SA

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menutup sebahagian jalan bagi melancarkan penganjuran Majlis Sambutan Kemerdekaan Ke-60 Peringkat Negeri Selangor pada 30 Ogos 2017 dan program Anak-Anak Malaysia Walk 2017 pada 27 Ogos 2017 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Justeru, pihak MBSA akan menutup sementara jalan untuk kerja-kerja persiapan

dan semasa acara berlangsung.

Jalan yang terlibat adalah Persiaran Bandar Raya (Dataran Kemerdekaan) bermula dari 25 Ogos mulai jam 3 petang hingga 31 Ogos 2017.

Untuk acara raptai perbarisan sempena Majlis Sambutan Kemerdekaan ke-60 peringkat Negeri Selangor pada 28 Ogos dan 29 Ogos, jalan Persiaran Damai akan ditutup sementara mulai jam 6 petang.